

PERBARISAN HARI KEBANGSAAN 2016

# Usia bukan halangan bukti cinta pada negara



Warga senja dan peserta termuda bangga, teruja pamer persembahan silat

USIA tidak menghalang seseorang untuk terus berbakti buat negara tercinta.

Walaupun sudah mencecah umur 61 tahun, Encik Abdul Raziz Mohd Hussain tetap berbakti pada Singapura dengan melibatkan diri dalam persembahan bagi Perbarisan Hari Kebangsaan (NDP) tahun ini.

Beliau akan mempersembahkan aksi silat bersama 200 pesilat lain dalam pesembahan pertama sebagai 'Pahlawan Merah'.

"Pada saya, NDP merupakan satu acara yang membuatkan saya rasa bangga diberikan kesempatan berbakti sebagai rakyat Singapura walaupun dalam usia senja.

"Saya juga berasa teruja melihat ramai anak muda melibatkan diri dalam pesembahan silat pada tahun ini," ujarnya yang ditemui di Stadium Negara baru-baru ini.

Menurutnya, terdapat pelbagai cabaran yang dilaluinya pada tahun ini, selain daripada berlatih pada bulan Ramadan.

Namun, cabaran utamanya pada tahun ini ialah masa yang diberikan untuk berlatih agak singkat.

"Pengalaman tahun ini berbeza daripada waktu saya melibatkan diri pada tahun-tahun sebelum ini. Tahun ini, jumlah peserta silat yang ramai membuatkan kami agak kesempitan waktu untuk berlatih.



**TERUJA:** Peserta termuda dalam persembahan silat, Nur Shaqira Sheik Alau'ddin, dan jurulatih pasukan silat Singapura, Encik Abdul Raziz, menghadapi pelbagai cabaran sewaktu sesi latihan, namun mengetepikan hambatan demi cinta kepada negara. - Foto-foto NDP 2016 EXCO

"Pentas yang besar dibandingkan dengan pentas yang digunakan pada tahun-tahun lalu juga merupakan sesuatu yang perlu saya atasi, kerana saya perlu lari dari satu tempat ke satu tempat dengan pantas," ujarnya.

Beliau yang dari dahulu hingga kini bekerja sebagai jurulatih pasukan silat Singapura di Persekutuan Silat

berkata beliau tidak mengalami sebarang masalah dari aspek kesihatan kerana telah biasa aktif.

Seorang peserta termuda dalam kumpulan persembahan silat, Nur Shaqira Sheik Alau'ddin, sembilan tahun, berkata dia berhadapan dengan pelbagai cabaran sewaktu sesi latihan, namun cintanya terhadap negara yang mendorongnya untuk

terus ke hadapan.

"Pada bulan puasa, saya sering berasa penat, lapar dan dahaga. Namun, saya katakan pada diri saya untuk melupakan kesemua perasaan itu kerana saya lakukan ini untuk Singapura," katanya yang mempunyai empat anggota keluarga yang lain yang turut menyertai pada persembahan silat itu.



**BERBAKTI KEPADA NEGARA:** Cik Marshlinda (kanan) beraksi dalam latihan persembahan Perbarisan Hari Kebangsaan. - Foto NDP 2016 EXCO

## Rela menari 12 meter di udara dengan 1 kg hiasan di kepala

DEMI ingin berbakti pada negaranya, Cik Marshlinda Zakariah, 25 tahun, sanggup menerima cabaran menari diketinggian 12 meter dan menahan hiasan kepala yang seberat satu kilogram sepanjang persembahannya.

Baginya, setiap cabaran yang dilaluinya itu, daripada sesi latihan hingga ke aksinya dalam persembahan, merupakan pengalaman manis yang tidak dapat dilupakan kerana ia merupakan satu impian melibatkan diri di Perbarisan Hari Kebangsaan (NDP).

Beliau merupakan seorang *aerialist* dalam aksi kedua daripada segmen persembahannya.

Dalam persembahannya itu, Cik Marshlinda ditemani tiga lagi wanita *aerialist* lain dari etnik berbeza - Cina, India dan Serani - bagi menunjukkan kepelbagaian etnik di Singapura.

"Saya akan dinaikkan setinggi 12 meter dan akan menari di udara selama lagu rakyat dimainkan.

"Segmen itu bertujuan menunjuk-

kan perpaduan dan kesatuan etnik walaupun terdapat pelbagai etnik di negara ini," ujarnya.

Menurutnya, selain daripada menari di tempat tinggi, beliau menghadapi cabaran lain sepanjang proses persembahannya itu:

"Sebagai *aerialist*, kami perlu menyiapkan diri di antara 45 minit ke satu jam sebelum kami membuat persembahan.

"Sepanjang masa menunggu itu, kami perlu memakai hiasan kepala yang agak berat dan baju persembahan yang besar.

"Dalam segmen persembahan pula, terdapat beberapa penari di atas pentas yang akan menari sambil memutarakan baju kami yang sepanjang 10 meter itu.

"Kadangkala saya berasa mual dan pening kerana sepanjang proses tersebut, namun saya sering mengingatkan diri saya tentang tujuan saya melibatkan diri dalam NDP2016, iaitu untuk berbakti pada negara," katanya yang bekerja sebagai seorang maskot di Universal Studios Singapore™ (USS).